

27/10/1997

Kementerian awasi badan kemajuan

KEMENTERIAN Pembangunan Usahawan akan menjalankan pengawasan terhadap Perbadanan Kemajuan Ekonomi setiap negeri bagi memastikan agensi berkenaan melaksanakan agenda kerajaan untuk melahirkan lebih ramai golongan usahawan Bumiputera kelas menengah.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamad, berkata kementeriannya sudah menerima laporan daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi setiap negeri mengenai program yang sedang dan akan dilaksanakan bagi mendukung agenda kerajaan itu.

Menurutnya, setiap agensi terbabit menyatakan kesediaan melaksanakannya dan sudah menggariskan beberapa perancangan untuk membantu usahawan Bumiputera kelas menengah seperti menyediakan lebih banyak tapak perumahan dan komersil serta rumah kedai dan kilang yang mampu dibeli atau disewa Bumiputera.

Katanya, kerajaan sudah mengadakan perbincangan untuk memperkenalkan beberapa agenda utama sejak enam bulan lalu untuk dilaksanakan oleh semua pihak, termasuk kementerian, Perbadanan Kemajuan Ekonomi negeri dan badan korporat bagi memastikan matlamat meningkatkan jumlah golongan usahawan Bumiputera kelas menengah tercapai.

"Walaupun seluruh jentera Perbadanan Kemajuan Ekonomi negeri dan kementerian digerakkan, kita masih bimbang dan tidak berpuas hati dengan jumlah golongan Bumiputera menengah dan atasan yang masih kecil dan perkara ini dinyatakan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Turut hadir pada majlis itu, Penasihat Ekonomi Negara, Tun Daim Zainuddin dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Datuk Zahid Hamidi.

Menurut Mustapa, selain usaha Perbadanan Kerajaan Ekonomi negeri dan kerajaan, beberapa program yang ada juga perlu ditingkatkan seperti program vendor yang dilancarkan empat tahun lalu oleh Kementerian Pembangunan Usahawan.

"Program yang kini disertai 126 syarikat ini tidak terhad di peringkat Kerajaan Persekutuan sahaja tetapi boleh dikembangkan oleh kerajaan negeri seperti yang dilaksanakan di Kedah, Selangor dan Johor.

"Kerajaan juga berharap agensi kerajaan memperhebatkan lagi pembinaan premis perniagaan yang boleh dibeli Bumiputera. Tidak guna membuat banyak projek dengan kos pembinaan yang tinggi sedangkan ia tidak mampu dibeli Bumiputera," katanya.

Sehubungan itu, katanya, melalui perbincangan yang akan diadakan oleh kementeriannya bersama Perbadanan Kemajuan Ekonomi negeri esok, beliau akan mencadangkan kepada agensi itu supaya menyediakan lebih banyak premis perniagaan yang mampu dibeli Bumiputera.

Mustapa berkata, Perdana Menteri sendiri menyatakan tidak puas hati dengan senario golongan menengah Bumiputera masih di tahap rendah dan mahu kerajaan melaksanakan agenda untuk mengangkat tahap golongan ini ke peringkat yang lebih tinggi dan membanggakan seperti masyarakat lain.

"Salah satu bukti ialah golongan Bumiputera masih tidak mampu menghantar anak ke Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) berbanding bangsa lain. Malah, bilangan pelajar Bumiputera di IPTS masih rendah iaitu di antara lima dan 10 peratus di 415 IPTS di negara kita," katanya.

(END)